

Pendekatan Sejarah Lokal dan Kepentingannya dalam Pensejarahan Malaysia

Local History Approach and Its Significance in the Malaysia Historiography

SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

ABSTRACT

The historical transition from political aspect to social and economy aspect has brought development to various approaches in historical writings. One of them, is the local history approach. However, there are still doubts among the historians and underestimate the approach in history writings. This approach is considered as antiquarian, consists of loads unimportant facts, no chronology and abandoning the theory and method of history. In fact, historical studies using this approach is said to not have any importance to the national historiography. Hence, this research paper aims at denying all of those opinions and proves that local history approach is actually emphasizing on ideas and historical thinking. In short, local history approach is important in perfecting the national history narrative by focusing on the research on the aspects and locations that were previously considered insignificant to the national historiography. In fact, this approach can actually contribute to the new findings in national historiography. For example, the discovery of the study regarding the Malay migration to Kerian, Perak has proven the significant contribution of the Malay society in the economy during the British colonisation apart from denying the judgement of the British on the nature of the Malay of being lazy as a result of their backwardness in economy aspects during the colonisation. This study also successfully proves that the internal migration of the Malay plays a significant role in the development of Kerian as the main paddy cultivation district, not only in Perak but also in the Federated Malay States.

Keywords: Local history; historiography; national history; social history; economy history

ABSTRAK

Peralihan minat sejarah dari aspek politik kepada aspek sosial dan ekonomi telah membawa perkembangan kepada pelbagai pendekatan dalam penulisan sejarah. Salah satu daripadanya adalah pendekatan sejarah lokal. Namun, masih terdapat dalam kalangan ahli sejarah yang masih ragu-ragu dan memandang rendah pendekatan ini dalam penulisan sejarah. Pendekatan ini dianggap bersifat antiquarian, terdiri daripada lambakan fakta-fakta yang tidak penting, tiada kronologi serta mengabaikan teori dan kaedah penulisan sejarah. Bahkan kajian sejarah yang menggunakan pendekatan ini dikatakan tidak mempunyai kepentingan kepada naratif sejarah kebangsaan sesebuah negara. Maka, artikel ini bertujuan menafikan pandangan tersebut dan membuktikan bahawa pendekatan sejarah lokal ini sebenarnya mementingkan idea dan pemikiran sejarah. Ringkasnya, pendekatan sejarah lokal amat penting dalam melengkapkan naratif sejarah negara dengan menumpukan kajian kepada aspek dan kawasan yang sebelum ini dianggap tidak penting kepada historiografi negara. Bahkan, pendekatan ini juga sebenarnya, mampu menyumbang kepada penemuan baharu dalam historiografinegara. Misalnya, penemuan kajian berkaitan penghijrahan orang Melayu ke Kerian, Perak telah membuktikan sumbangan penting masyarakat Melayu dalam ekonomi semasa pentadbiran British selain turut menafikan hujahan pentadbir British berkenaan sifat Melayu yang dikatakan malas sebagai natijah ketinggalan mereka dalam aspek ekonomi semasa penjajahan. Kajian ini juga berjaya membuktikan bahawa penghijrahan dalaman orang Melayu turut memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan Kerian sebagai sebuah daerah penanaman padi yang utama, bukan hanya di Perak tetapi juga di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Kata kunci: Sejarah lokal; pensejarahan; sejarah kebangsaan; sejarah sosial; sejarah ekonomi

PENGENALAN

Penumpuan yang keterlaluan kepada aspek politik dan golongan elit¹ menyebabkan penulisan sejarah dilihat hanya dari satu persepektif sahaja iaitu hanya berdasarkan kepada pandangan pemerintah dan penggubal dasar serta mereka yang mempunyai

gelaran serta pangkat. Pemilihan subjek dan skop kajian yang terlalu besar juga menyebabkan pengkajian sejarah hanyalah pada permukaan sahaja. Misalnya, John Brewer menganggap pendekatan penulisan sejarah seperti ini sebagai, "...as written from a single, superior point of view – a bird's eye perspective or from a lofty peak – in which an

extensive, large-scale landscape is surveyed and analysed” (Brewer 2010). Pendekatan penulisan seperti ini menyebabkan pemerhatian dan perkara yang dibincangkan menjadi terlalu umum dan tidak spesifik serta gagal melihat apa yang sebenarnya berlaku di sebaliknya.

Lanjutan daripada kelemahan-kelemahan yang ada dalam penulisan sejarah konvensional ini, maka ahli sejarah mula beralih kepada pendekatan baharu untuk mengisi kekurangan yang ada tersebut. Hal inilah yang membawa kepada perkembangan sejarah sosial dan “sejarah dari bawah” bagi mencabar penulisan sejarah konvensional.² Pengkajian sejarah juga dicadangkan dikaji dalam skop yang lebih kecil bagi menghasilkan penulisan sejarah yang lebih objektif dan komprehensif (Brewer 2010; Elize S. Van Eeden 2014). Pengecilan atau pengkhususan skop kajian ini termasuklah berkaitan subjek dan tema yang dikaji serta kawasan kajian yang sebelum ini mungkin dianggap tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam kajian sejarah sesebuah negeri atau negara. Pengecilan skop ini dianggap dapat menghasilkan pengkajian dan penulisan sejarah yang lebih terperinci dan sekaligus membawa kepada penemuan atau kesimpulan baharu yang lebih tepat. Paradigma baharu ini jugalah yang menyebabkan pendekatan sejarah lokal semakin berkembang. Pertumbuhan minat yang semakin meningkat terhadap sejarah lokal ini dalam kalangan ahli sejarah profesional bermula pada akhir suku kedua kurun ke-20 (Reed 1975; Healey 2012).

Maka, artikel ini bertujuan membahaskan pendekatan sejarah lokal dan kepentingannya kepada naratif sejarah sesebuah negeri dan negara. Bagi mengukuhkan lagi kepentingan pendekatan sejarah lokal juga, artikel ini akan turut membincangkan tesis Ph.D. pengkaji iaitu berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816-1941. Penemuan kajian ini membuktikan bahawa, dengan skop kajian yang kecil pun, misalnya pemilihan Kerian dan penghijrahan masuk orang Melayu ke Kerian sesebagai tema utama kajian, mampu menyumbang kepada penemuan baharu yang dapat mencabar persepektif dan hujah terdahulu. Misalnya, penemuan tesis ini telah membuktikan sumbangan penting masyarakat Melayu dalam ekonomi semasa pentadbiran British serta turut menafikan pandangan pentadbir British berkenaan sifat Melayu yang dikatakan malas sebagai natijah ketinggalan mereka dalam aspek ekonomi semasa penjajahan.

DEFINISI DAN TEMA SEJARAH LOKAL

Definisi dan skop sejarah lokal adalah pelbagai. Peneraju pendekatan sejarah lokal, W. G. Hoskins menganggap sejarah lokal sebagai, “...sejarah baharu, kehidupan manusia, semua manusia, bukan hanya ahli politik” (dipetik dari Macafee 1980). Finberg pula mendefinisikan sejarah lokal sebagai “... untuk menggubal semula pemikirannya, dan menggambarkan kepada pembacanya, tentang asal-usul, pertumbuhan, kemerosotan dan kejatuhan komuniti lokal”. Sambung Finberg lagi, pengkajian komuniti lokal ini perlu dilakukan secara inklusif dalam konteks sejarah kebangsaan. Manakala sarjana sebelumnya, Fairgrive menganggap sejarah lokal sebagai pengecilan fokus kajian bagi memastikan penulisan sejarah dilakukan dengan lebih komprehensif dalam konteks yang telah ditentukan. Armitage pula berpandangan sejarah lokal sebagai penumpuan pengkajian sejarah terhadap aspek persekitaran yang tertumpu kepada kawasan tertentu yang berkongsi aspek fizikal geografi yang sama... dan kehadiran populasi etnik tertentu dalam jumlah yang besar di lokasi yang spesifik (dipetik dari Elize 2014).

Everitt (1971) pula mendefinisikan sejarah lokal sebagai kajian berkaitan komuniti lokal dan pembangunan landskap lokal. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa, penulisan sejarah lokal bukan hanya tertumpu kepada wilayah dan komuniti lokal di kawasan tertentu, tetapi juga atas kesedaran wujudnya pergerakan dan tekanan-tekanan tertentu di sebalik pembangunan masyarakat di sesebuah wilayah atau kawasan. Manakala Spufford (1974) dan MacFarlane (1978) pula menganggap sejarah lokal sebagai “...untuk memerihalkan penduduk kampung bukan hanya sebagai binatang ekonomi... tetapi... dianggap sebagai turut mempunyai sedikit tindak balas terhadap perubahan-perubahan” (dipetik dari Macafee 1980). Dari segi skop kajian, Gourbet mendefinisikan sejarah lokal sebagai kajian di peringkat kampung atau beberapa buah kampung, bandar-bandar yang bersaiz sederhana dan kecil serta kawasan geografi tertentu yang tidak seharusnya lebih besar dari unit daerah (Goubert 1971). Berdasarkan kepada definisi sejarah lokal tersebut, dapat disimpulkan bahawa sejarah lokal merupakan pendekatan yang berfokus kepada sesuatu kawasan khusus tertentu, golongan masyarakat tertentu dengan tema tertentu.

Berkaitan dengan masyarakat yang menjadi subjek utama kajian, Elize menghujahkan sejarah lokal ini adalah bertujuan melihat “sejarah dari bawah” iaitu bagi mengembalikan golongan yang sebelum ini dianggap seolah-olah tidak wujud dalam penulisan sejarah. Maka, golongan seperti rakyat biasa (marhaen), petani dan buruh misalnya dapat dikembalikan ke pentas sejarah (Elize 2014). Manakala, bagi tema kajian pula, Goubert beranggapan kajian sejarah lokal ini meliputi sama ada aspek politik, ekonomi mahupun sosial (Goubert 1971). Hal ini bermaksud, apa-apa tema boleh dikaji berdasarkan hujah Goubert ini. Manakala, Macafee pula menghujahkan bahawa tema yang boleh dikaji di bawah sejarah lokal adalah berkaitan populasi (demografi), pertanian, industri, pengangkutan, landskap (perubahan topografi sesuatu kawasan akibat tindakan manusia (Macafee 1976)³, kebajikan sosial (kesihatan, jenayah, kemiskinan dan pengangguran), pendidikan, perundangan serta tema berkaitan sikap, kepercayaan, nilai, tradisi, hubungan sosial dan institusi (melibatkan institusi agama, misalnya). Elize pula menekankan pelbagai tema berkaitan aspek sosial seperti etnik, gender, kemiskinan dan kesan perindustrian serta warisan sebagai perkara-perkara yang boleh dikaji di bawah sejarah lokal (Elize 2014). Namun dalam kajiannya yang lain, hujahan Elize tentang tema yang boleh dikaji di bawah sejarah lokal adalah tidak jauh berbeza atau hampir sama dengan tema-tema yang diujahkan oleh Macafee (1976).⁴ Bagi Partridge pula, aspek persekitaran semula jadi juga termasuk dalam tema yang boleh dikaji di bawah sejarah lokal dan menekankan pendekatan sejarah lokal ini digunakan dalam kajian pemeliharaan warisan budaya supaya aspek warisan budaya ini tidak hilang ditelan arus zaman. Maka, tema-tema yang boleh dikaji di bawah sejarah lokal ini amat luas cakupannya, fleksibel dan pelbagai berdasarkan pandangan-pandangan tersebut (Partridge 1999).

Ringkasnya, tumpuan tema pendekatan sejarah lokal kontemporari terdiri daripada pelbagai aspek sama ada berkaitan tema politik, ekonomi mahupun sosial. Pendekatan sejarah lokal ini juga berfokus kepada wilayah atau kawasan khusus tertentu yang telah dikecilkan skopnya seperti daerah, bandar atau kampung. Skop kawasan yang dikecilkan ini juga tidak terhad kepada skop sempadan geografi, tetapi juga sempadan budaya.⁵ Namun, kajian berfokus ini tidak seharusnya diasingkan kepentingannya dalam konteks naratif sejarah negeri mahupun negara.

PELBAGAI METODOLOGI SEJARAH LOKAL

Salah satu kritikan utama ahli sejarah terhadap penulisan dan pengkajian sejarah lokal adalah atas anggapan bahawa sejarah lokal hanya ditulis oleh golongan amatir iaitu golongan yang tidak mempunyai latihan tentang ilmu dan perkaedahan penulisan sejarah secara profesional. Fokus kajian yang sempit juga adalah salah satu sebab pendekatan sejarah lokal dikritik (Hickens 1964). Skop kajian yang kecil ini dikritik kerana dianggap tidak mampu untuk menghasilkan pemahaman yang jelas terhadap tema kebangsaan mahupun menghasilkan kerangka teori yang berguna dalam pengkajian dan pemahaman sejarah (Pasternak 2009). Kritikan lain terhadap pendekatan sejarah lokal ini dianggap sebagai bersifat *antiquarian*⁶, tidak bertujuan menganalisis sejarah manusia ataupun mengkaji perubahan bersejarah serta tidak ditulis berdasarkan aturan atau kronologi (Macafee 1980; Healey 2012). Penulisan sejarah lokal juga dikritik kerana ketiadaan sebarang tema khusus tertentu yang menjadi asas penyatuan kepada penyelidikan dan penulisan sejarah lokal (Elize 2014).

Kritikan-kritikan ini tidak dinafikan sememangnya benar dalam amalan penulisan sejarah lokal tradisional. Namun, percubaan pertama menggunakan pendekatan sejarah lokal ini kemudiannya dilakukan oleh ahli sejarah yang menduduki kedudukan terbaik dalam bidang masing-masing dan berusaha mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Golongan ini benar-benar memahami tesis dan interpretasi perlu disokong oleh fakta dan garis masa (kronologi) yang tepat (Goubert 1971). Misalnya, Finberg, Skipp & Hoskins menegaskan bahawa penulisan sejarah lokal tidak seharusnya hanya dilambakkan oleh fakta yang diperoleh. Penulisan dan penyampaian juga perlu dilakukan secara tersusun (mengikut kronologi), memenuhi kaedah disiplin ilmu sejarah serta perlu ada kriteria untuk membezakan sesuatu fakta dengan kepentingannya (dipetik daripada Elize 2014).⁷ Kejayaan beberapa ahli sejarah moden pada kurun ke-20 misalnya peneraju dalam penggunaan pendekatan sejarah lokal ini seperti W. G. Hoskins (*The Making of the English Landscape*) dan Emmanuel Le Roy Ladurie (*The Peasants of Languedoc* dan *Montaillou*) memberikan dimensi baharu kepada pendekatan sejarah lokal apabila penulisan-penulisan ini berjaya meletakkan asas penting kepada apa dan bagaimana sejarah lokal perlu ditulis. Misalnya, kedua-dua ahli sejarah

ini telah membuktikan bahawa skop pendekatan sejarah lokal, walaupun khusus kepada tema dan kawasan tertentu, mampu memberikan kefahaman yang mendalam dan meluas tentang sejarah negara melalui bukti di peringkat lokal (Macafee 1980).

Sebagai contoh, Emmanuel Le Roy Ladurie dalam kajiannya *The Peasants of Languedoc* (1966) umpamanya yang merupakan ahli sejarah generasi ketiga aliran Annales telah menggunakan pendekatan sejarah lokal ini dalam usahanya mencapai “total history”⁸. Bahkan, Le Roy Ladurie diiktiraf sebagai salah seorang pelopor awal dalam kalangan ahli sejarah yang mempraktikkan pendekatan sejarah lokal moden dalam kajiannya. Beliau dalam kajiannya ini menggunakan skop masa yang panjang iaitu bermula pada lewat kurun ke-15 sehingga awal kurun ke-18 iaitu untuk tempoh lebih 200 tahun. Seperti mana ahli sejarah aliran Annales lain Le Roy Ladurie turut mementingkan sejarah sosial, faktor struktur (faktor pokok) serta pola perubahan dalam penulisan dan kajiannya. Le Roy Ladurie juga menjadikan golongan petani yang tinggal di kawasan luar bandar sebagai subjek utama dan menstrukturkan kajiannya kepada fenomena-fenomena penting yang berlaku sepanjang tempoh kajian. Beliau percaya bahawa untuk menghasilkan analisis yang mendalam dalam penulisan sejarah, sesuatu kajian itu seharusnya berpusatkan kepada fenomena penting yang berlaku sepanjang tempoh kajian (Miyase 2009).

Manakala dari segi metodologi kajian pula, kajiannya menggunakan pendekatan kuantitatif disiplin demografi bagi membina semula sejarah total dalam pengkajiannya tentang budaya material dan kehidupan harian golongan marhaen (petani) di Languedoc (Miyase 2009). Menurut Gourbet, pendekatan kuantitatif dalam pengkajian sejarah ini tidak hanya terhad kepada senarai harga barangan, tetapi pendekatan kuantitatif ini juga dapat diperoleh daripada sumber dokumen yang lain, misalnya rekod-rekod pendaftaran tempatan (gereja misalnya) mampu menghasilkan penemuan baharu yang menakjubkan dan berbeza dengan penemuan umum sebelumnya.⁹ Penggunaan kaedah kuantitatif dalam pengkajian sejarah lokal ini juga adalah bersandarkan kepada faktor penyebab. Angka atau data statistik digunakan bagi membandingkan pemboleh ubah yang berbeza bagi menerangkan faktor penyebab sesuatu kejadian. Bagi membuat perbandingan juga, satu siri data kuantitatif yang berkaitan serta dalam tempoh skop masa kajian diambil dari pelbagai jenis sumber supaya suatu

pola tertentu berkaitan masyarakat yang dikaji dapat dikenal pasti dan seterusnya menghasilkan penulisan sejarah yang lebih tepat berbanding dengan hanya menggunakan kaedah kualitatif (naratif) sahaja.

Berbalik kepada kaedah kuantitatif yang digunakan oleh Le Roy Ladurie, beliau menggunakan dua sumber statistik utama. Pertama, rekod-rekod pendaftaran cukai tanah bagi mendapatkan pola peralihan hak milik tanah. Kedua, rekod-rekod *tithe* (cukai 1/10 yang boleh dibayar dalam pelbagai bentuk hasil) bagi mendapatkan evolusi yang belaku dalam penghasilan pertanian. Selain daripada dua rekod utama tersebut, Le Roy Ladurie juga menggunakan senarai harga, upah, kadar bunga dan keuntungan dan pelbagai lagi termasuklah rekod-rekod daripada gereja. Melalui analisis data-data yang berupa angka ini, Le Roy Ladurie telah berjaya membuat beberapa kesimpulan penting dan penemuan baharu dalam sejarah Perancis walaupun kajiannya itu berfokus kepada Languedoc dan hanya menggunakan sumber-sumber daripada rekod-rekod tempatan. Misalnya, beliau menyatakan bahawa revolusi-revolusi yang berlaku di Perancis adalah sebagai akibat daripada pertumbuhan populasi masyarakat yang tidak sihat dan menyebabkan berlakunya peningkatan harga dan konflik terhadap hak milik tanah. Perkara inilah yang sebenarnya menyebabkan berlakunya perang dan revolusi di Perancis (Miyase 2009).

Namun, bukanlah bermakna pendekatan sejarah lokal ini perlu ditulis dengan pendekatan kuantitatif sahaja. Le Roy Ladurie dalam penulisan berikutnya yang berjudul *Montaillou*¹⁰(1975) yang masih menjadikan petani dan kawasan luar bandar sebagai subjek utama kajiannya telah beralih pula kepada pendekatan kualitatif. Bagi menulis sejarah *Montaillou* ini, beliau menggunakan rekod-rekod bertulis yang dicatat oleh Paderi Jacques Fournier berdasarkan temu bual paderi tersebut dengan petani-petani di Montaillou berkenaan segenap aspek kehidupan mereka. Bagi Le Roy Ladurie, rekod-rekod catatan hasil temu bual oleh Fournier ini telah membantunya menggambarkan semula sejarah kehidupan harian petani di *Montaillou* untuk tahun 1294 sehingga tahun 1324 dari kaca mata petani sendiri (Miyase 2009). Hal ini secara tidak langsung turut mengembalikan suara golongan marhaen yang didiamkan sebelum ini (Pasternak 2009). Pendekatan yang digunakan oleh Le Roy Ladurie ini juga penting kepada pendekatan sejarah lokal kerana telah melahirkan satu lagi cabang sejarah lokal yang kini dikenali sejarah mikro atau sejarah kehidupan harian.¹¹ Selain itu, sumbangan besar Le

Roy Ladurie dalam menghasilkan *Montaillou* ini adalah penggunaan kaedah sejarah lisan sebagai salah satu metodologi dalam menulis sejarah lokal.¹² Dalam kes *Montaillou* ini, sumber lisan ini telah direkodkan secara bertulis oleh paderi Fournier. Dari segi metodologi, walaupun sejarah mikro kurang mementingkan kaedah kuantitatif, namun masih berfokus kepada penyebab (sebab dan akibat) iaitu faktor yang menyebabkan seseorang individu bertindak sedemikian (Pasternak 2009). Penulisan sejarah oleh beliau dalam penulisan-penulisan tersebut dilakukan mengikut urutan garis masa atau kronologi.

Begitu juga, pendekatan sejarah lokal moden, walaupun menggunakan pendekatan wilayah khusus tertentu, wilayah tersebut tidak seharusnya dikaji secara terasing dengan kepentingan sejarah di peringkat negeri atau negara. Interaksi antara wilayah yang dikaji dengan wilayah di sekeliling atau yang berdekatan dengannya dan interaksinya dengan pentadbiran atau pihak berkuasa pusat juga tidak seharusnya diabaikan. Misalnya, sejauh mana kerja pusat memberi kesan kepada wilayah yang dikaji (Oberholster dipetik daripada Elize 2014). Berdasarkan kepada pendekatan dan metodologi sejarah lokal yang diguna pakai oleh Le Roy Ladurie ini, jelas sekali bahawa beliau telah berjaya mencapai penulisan sejarah yang memenuhi idea dan pemikiran sejarah. Beliau juga berjaya mengatasi kelemahan-kelemahan dan kritikan-kritikan dalam penulisan sejarah lokal tradisional. Kajiannya yang tertumpu di Languedoc dan Montaillou ini juga tidak dikaji secara terasing dengan negara Perancis. Sebaliknya, Le Roy Ladurie berjaya meletakkan kajiannya ini sebagai asas penting kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam sejarah Perancis. Manakala dari segi metodologi, pelbagai kaedah boleh digunakan sama ada kaedah kuantitatif, kualitatif, sejarah lisan, kaedah lapangan, gabungan dua atau tiga kaedah tersebut ataupun dengan menggabungkan kesemuanya. Dari aspek sumber sejarah pula, pendekatan sejarah lokal moden juga mementingkan penggunaan pelbagai sumber bertulis sama ada yang ada di arkib, mahupun institusi-institusi yang berkaitan (misalnya gereja, mahkamah, pejabat daerah dan sebagainya).

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan artikel ini menggunakan pendekatan sejarah berasaskan kepada kaedah kualitatif dalam membincangkan kepentingan pendekatan sejarah

lokal dalam historiografi Malaysia. Pelbagai kaedah dan tema dalam penulisan sejarah lokal berdasarkan kepada kajian-kajian sejarah lokal yang ada ditekankan. Tujuannya adalah bagi memastikan penulisan sejarah Malaysia yang menggunakan pendekatan sejarah lokal ini menepati disiplin ilmu sejarah dan seterusnya menjadikan pengkajian sejarah lebih luas dengan tidak tertumpu kepada aspek politik serta golongan elit tertentu sahaja. Seterusnya, kajian Ph.D. pengkaji turut dibincangkan bagi menghujahkan tentang bagaimana pendekatan sejarah lokal boleh digunakan bukan sahaja untuk mencabar hujah sedia ada, tetapi juga menghasilkan penemuan baharu dalam pengkajian sejarah negara. Justeru, melalui pendekatan sejarah lokal, daerah, kawasan dan golongan yang sebelum ini dianggap tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam pembangunan ekonomi semasa penjajahan (kerana dinilai berdasarkan sumbangan dalam aktiviti ekonomi tertentu sahaja, misalnya di Tanah Melayu, aktiviti perlombongan bijih timah dan perladangan getah) dapat dibuktikan kepentingannya berdasarkan kepada rekod-rekod rasmi tinggalan penjajah sendiri seperti *Annual Report*, *Government Gazette*, *Government Report* dan *District File*.

SEJARAH LOKAL DI MALAYSIA

Di Malaysia, tidak dinafikan telah wujudnya penulisan-penulisan yang berteraskan kepada sejarah lokal. Misalnya, penulisan-penulisan oleh Khoo (1981, 1996)¹³, Mohd. Zamberi (2001), Mohd. Rashidi & Nik Haslinda (eds.) (2017), Ahmad Kamal Ariffin, Noor Ain & Mohamad Khairul Anuar (2020) serta Nur Najwa, Ahmad Kamal Ariffin & Noor Ain (2021) yang memfokuskan kepada skop kawasan kajian yang kecil iaitu daerah dan unit pentadbiran yang lebih kecil dari daerah. Namun, penulisan-penulisan ini kecuali Nur Najwa, Ahmad Kamal Ariffin & Noor Ain (2021)¹⁴ masih tidak dapat lari daripada kepentingan aktiviti perlombongan bijih timah yang dianggap sebagai aktiviti ekonomi utama kepada pembangunan negara Semenanjung Malaysia sebelum kemunculan getah. Bahkan, penulisan oleh Mohd. Zamberi (2001) umpamanya, masih meneruskan pendekatan sejarah konvensional apabila masih menumpukan perbincangannya kepada golongan elit politik dan penulisan berkaitan politik misalnya isu-isu berkaitan perang dan kesedaran politik dalam penulisannya tersebut. Namun, tidak dinafikan bahawa penulisan oleh

Mohd. Zamberi (2001) ini juga membuktikan kepentingan sejarah lokal dan menonjolkan kepentingan daerah Larut dalam pensejarahan Perak umumnya dan Malaysia khususnya. Begitu juga artikel-artikel yang dimuatkan dalam Mohd. Rashidi dan Nik Haslinda (eds.) (2017) telah berjaya meletakkan kedudukan Klian Intan dalam peta sejarah Malaysia. Ringkasnya, penulisan-penulisan ini berjaya mengangkat kepentingan daerah-daerah atau kawasan yang dinyatakan kerana kepentingan bijih timah.

Penulisan berikutnya yang menggunakan pendekatan sejarah lokal adalah oleh Izrin (2012).¹⁵ Penulisan Izrin (2012) ini berjaya membina semula landskap sejarah Lebuh Acheh, Georgetown, Pulau Pinang yang merupakan pusat keagamaan dan perniagaan berkaitan haji. Penulisan yang berfokus kepada elit-elit agama dan ekonomi Melayu yang kaya dan berpengaruh ini berjaya menonjolkan sumbangan masyarakat Melayu dalam pembangunan ekonomi Pulau Pinang dan berjaya meletakkan kepentingan Lebuh Acheh bukan hanya dalam sejarah negeri Pulau Pinang, tetapi juga sejarah Malaysia. Penulisan ini menonjolkan bahawa, pendekatan sejarah lokal mampu memberikan perspektif dan penemuan baharu dalam penulisan sejarah negara walaupun hanya berfokus kepada ruang tertentu yang kecil sahaja. Maka, pendekatan sejarah lokal ini boleh digunakan dalam memperkayakan lagi sejarah negara khususnya dalam pengkajian sesebuah kawasan mahupun subjek yang dianggap kecil dan tidak mempunyai sebarang kepentingan kepada penulisan sejarah negara sebelum ini.

KEPENTINGAN KERIAN, PERAK KEPADA SEJARAH NEGERI DAN NEGARA

Dalam pembangunan negeri Perak, tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti perlombongan bijih timah merupakan antara kegiatan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negeri tersebut awalnya dan negara kemudiannya. Hal ini tidaklah mengejutkan kerana Perak sekurang-kurangnya sejak kurun ke-16 masihi sudah terkenal dengan bijih timahnya (Cortesao 1967). Namun, penulisan sejarah ekonomi negara semasa penjajahan tidak seharusnya berlegar kepada kepentingan dan sumbangan aktiviti perlombongan bijih timah atau perladangan getah¹⁶ sahaja. Dalam hal ini, pendekatan sejarah lokal memberi peluang setiap kawasan dikaji mengikut keunikan dan keistimewaannya khususnya dalam mencari

perspektif dan penemuan baharu dalam penulisan sejarah nasional. Menyedari akan kemampuan sejarah lokal memberikan perspektif dan penemuan baharu dalam penulisan sejarah, maka, pengkaji menggunakan pendekatan ini dalam kajian Ph.Dnya bagi membuktikan kepentingan daerah kerian, bukan hanya kepada negeri Perak, tetapi juga negara.

Berkaitan metodologi kajian pula, Siti Noor Hafizah (2019) turut menggunakan kaedah kualitatif selain daripada kaedah kuantitatif. Penggunaan kaedah kuantitatif adalah melalui analisis data-data statistik misalnya berkaitan kutipan sewa tanah, keluasan kawasan penanaman padi dan penghasilan padi serta data demografi daripada laporan banci (mendapatkan data berkaitan penghijrah). Penyusunan kajian juga dibuat mengikut kronologi bagi memastikan peristiwa sejarah itu disusun mengikut turutan garis masa. Setiap fakta sejarah juga dianalisis bagi memastikan pengkajian sejarah tidak bersifat naratif semata-mata.

Seterusnya adalah berkaitan sumber. Salah satu masalah utama dalam pendekatan sejarah lokal ini adalah sumber tempatan berkaitan kawasan yang dikaji (Samuel, 1976). Di Malaysia misalnya dan negara-negara lain semasa penjajahan, masalah dan cabaran utama pengkajian sejarah adalah dalam mendapatkan sumber primer tempatan. Tambahan pula, masyarakat bawahan semasa penjajahan kolonial lazimnya tidak mempunyai kemahiran menulis dan membaca. Maka, mereka tidak mempunyai rekod bertulis bagi membuktikan kewujudan dan kehidupan mereka. Namun, hal ini bukanlah penghalang kepada penulisan sejarah masyarakat bawahan di sesebuah kawasan tertentu dan tidak juga bermakna sejarah golongan ini tidak boleh ditulis. Misalnya, penulisan sejarah oleh Siti Noor Hafizah (2019) menggunakan pendekatan sejarah lokal ini masih boleh menggunakan pelbagai sumber bertulis berdasarkan kepada rekod-rekod tinggalan rasmi pihak kolonial. Antara sumber-sumber rasmi tinggalan kolonial yang digunakan tersebut adalah *Annual Report of Perak*, *Perak and Federated Malay States Government Gazette*, *Report of Agriculture Department*, *Census 1901-1947*, *Report of the Rice Cultivation Committee 1931*, *Report on the Krian Irrigation Scheme* dan pelbagai lagi. Ringkasnya, rekod-rekod ini mencatatkan pelbagai laporan berkaitan daerah-daerah di seluruh negeri-negeri STM semasa penjajahan dan penggunaan sumber ini secara kritis mampu menghasilkan penulisan sejarah yang berpusatkan masyarakat bawahan selain

daripada turut menonjolkan kepentingan kawasan tertentu serta sumbangan masyarakat bawahan yang berkenaan kepada sejarah negeri dan negara.

Seterusnya adalah berkaitan hasil penemuan dan kepentingan kajian Siti Noor Hafizah (2019) kepada sejarah negeri dan negara. Kepentingan kajian ini kepada negara adalah telah berjaya memperbetulkan dua hujah penting penulisan-penulisan sebelum ini. Pertama, masyarakat Melayu dikatakan tiada sumbangan dalam ekonomi semasa penjajahan. Kedua, tanggapan “Melayu Malas” bagi menghujahkan ketinggalan masyarakat Melayu dalam ekonomi semasa penjajahan. Berkaitan hujah pertama, penghijrahan dalaman (penghijrahan masuk oleh masyarakat Melayu Seberang Perai, Pulau Pinang dan Kedah) yang telah berlaku sekurang-kurangnya sejak dekad kedua kurun ke-19 ke daerah Kerian, Perak dan semakin rancak berlaku semasa penjajahan kolonial telah menjadikan daerah Kerian sebagai penyumbang kepada kutipan hasil sewa tanah yang tertinggi di Perak semasa pentadbiran kolonial iaitu sebelum kemunculan daerah Kinta sebagai kawasan perlombongan bijih timah yang utama di Perak pada dekad akhir kurun ke-19. Buktinya, sehingga tahun 1888, bagi seluruh daerah di Perak, Kerian menyumbang kutipan sewa tanah tertinggi sekali dengan jumlah keseluruhannya \$206,927.99 dan Larut pula menduduki tangga kedua di bawah Kerian dengan jumlah keseluruhan kutipan sewa tanahnya berjumlah \$205,788.36 dalam tempoh yang sama (*AR Perak* 1888: 34 dipetik dari Siti Noor Hafizah 2019:170). Penemuan ini menarik dan memberikan perspektif baharu dalam sejarah Perak dan Malaysia kerana daerah Kerian merupakan daerah penanaman padi yang utama di Perak dan penanaman padi ini diusahakan hampir sepenuhnya oleh orang Melayu sehinggalah pembukaan Rancangan Pengairan Kerian pada tahun 1906. Maka, hal ini membuktikan masyarakat Melayu turut memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi Perak semasa penjajahan.

Kedua, penghijrahan dalaman ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu tidak malas.¹⁷ Buktinya, mereka sanggup berhijrah keluar dari petempatan asal mereka ke daerah-daerah atau negeri-negeri lain yang menawarkan peluang ekonomi yang lebih baik bagi keluar daripada belenggu kemiskinan. Namun, sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas masyarakat Melayu bagi memastikan masyarakat Melayu terus mengusahakan penanaman padi serta tidak beralih kepada tanaman lain yang menguntungkan menyebabkan rata-rata daripada

golongan ini kekal miskin. Lebih memburukkan keadaan adalah kemiskinan ini turut menyebabkan pemilik asal masyarakat Melayu kehilangan tanah mereka kerana ketidakmampuan untuk menjelaskan sewa tanah dan kos-kos lain berkaitan tanah akibat penggubalan *Land Enactment, 1911*. Selain itu, Kerian juga merupakan daerah pertama dikenakan cukai tanah melalui penggubalan perundangan tanah pada tahun 1879 oleh residen Perak pada waktu itu sebelum langkah sama turut dilaksanakan oleh daerah-daerah lain di Perak dan NNMB lain yang berada di bawah pentadbiran Kolonial. Selain daripada cukai tanah, cukai juga dikenakan ke atas kemudahan rancangan pengairan yang disediakan di Kerian melalui penggubalan dan pelaksanaan *Krian Irrigation Enactment 1905*. Perundangan yang mewajibkan pembayaran cukai ke atas penggunaan rancangan pengairan yang disediakan kemudiannya diperluaskan ke kawasan-kawasan dan negeri-negeri lain yang turut disediakan kemudahan tersebut. Hal ini membuktikan kepentingan Kerian dalam sejarah negeri Perak dan Negara. Tidak keterlaluan juga untuk menghujahkan bahawa, Kerian merupakan daerah eksperimen penting kepada pentadbiran kolonial di STM pada ketika itu dalam pelaksanaan polisi-polisinya.

Selain daripada dua hujah penulisan sebelum ini yang dapat diperbetulkan, terdapat satu penemuan baharu berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu di Kerian ini kepada penulisan sejarah Perak dan negara iaitu kepentingan penghijrahan dalaman kepada pembangunan ekonomi Perak khususnya, dan negara umumnya semasa pentadbiran kolonial. Buktinya sejak sebelum pembukaan Rancangan Pengairan Kerian pada tahun 1906 lagi, penghijrahan dalaman Melayu (berasal dari Seberang Perai, Pulau Pinang dan Kedah) memainkan peranan utama dan penting dalam pembangunan dan perkembangan Kerian sebagai daerah penanaman padi yang utama di Perak dan NNMB. Kehadiran penghijrah Melayu dari luar STM (masyarakat Banjar) ke Kerian yang turut sama mengusahakan penanaman padi hanya semakin signifikan di Kerian selepas tahun 1906. Lebih menarik adalah, sekalipun penghijrahan masyarakat Banjar semakin signifikan, penghijrahan dalaman masyarakat Melayu terus berlaku di Kerian dengan jumlah yang lebih tinggi berbanding penghijrahan masyarakat Banjar.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Berdasarkan kepada penulisan-penulisan yang menggunakan pendekatan sejarah lokal sedia

ada di Malaysia, jelas sekali bahawa penggunaan pendekatan ini masih bergerak perlahan dan kurang mendapat sambutan pengkaji-pengkaji sejarah. Walaupun terdapat segolongan pengkaji sejarah mula memfokuskan kajian mereka kepada skop kawasan yang kecil, namun perbincangan mereka masih tidak dapat lari daripada kerangka ekonomi kolonial yang mementingkan perlombongan bijih timah dan penanaman getah dalam menulis sejarah sebelum dan semasa penjajahan. Hal ini menyempitkan cakupan tema pendekatan sejarah lokal dalam penulisan sejarah. Cakupan tema yang berkisar kepada perlombongan timah dan penanaman getah oleh pengkaji-pengkaji tersebut juga menyebabkan hanya kawasan tertentu dan golongan yang terlibat secara langsung dengan kedua-dua aktiviti ekonomi utama ini sahaja mendapat tempat dalam penulisan sejarah negara. Padahal, aktiviti ekonomi sebelum dan semasa penjajahan tidak hanya berkisar kepada dua aktiviti ekonomi utama tersebut sahaja. Begitu juga, tidak semua kawasan, daerah dan negeri menjalankan aktiviti ekonomi utama tersebut. Namun, hal ini tidaklah bermakna kawasan tersebut tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam pembangunan ekonomi khususnya ataupun tidak mampu berkembang sebagai pusat komersial penting dan utama. Dalam hal ini, kajian Siti Noor Hafizah (2019) dan penulisan Nur Najwa, Ahmad Kamal Ariffin & Noor Ain (2021) telah membuktikan perkara ini. Justeru, tema kajian yang lebih luas adalah amat penting supaya pelbagai pihak serta kawasan-kawasan yang sebelum ini dianggap tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi mahupun sosial diulang kepentingan dan sumbangannya dalam penulisan sejarah negeri dan negara.

Metodologi yang pelbagai dalam pendekatan sejarah lokal, misalnya, kaedah kualitatif, kaedah kuantitatif, kaedah sejarah lisan, kajian lapangan, gabungan mana-mana dua atau tiga kaedah tersebut ataupun gabungan kesemuanya membantu pendekatan sejarah lokal ini menghasilkan penemuan baharu dalam pengkajian sejarah. Pendekatan sejarah lokal yang luas juga, misalnya, pendekatan sejarah mikro, *total history*, *environmental studies*, *regional historical studies* dan *historical geography* mampu menghasilkan penulisan sejarah yang lebih komprehensif dengan gabungan pelbagai disiplin ilmu. Hal ini kerana, penulisan sejarah yang komprehensif dengan gabungan disiplin ilmu yang lain hanya dapat dihasilkan melalui kawasan kajian yang dikecilkan skopnya. Justeru, kepentingan

pendekatan sejarah lokal dalam penulisan sejarah negeri dan negara tidak boleh dinafikan sumbangannya dan kepentingannya.

KESIMPULAN

Ringkasnya, pendekatan sejarah lokal mampu memberikan persepektif dan penemuan baharu dalam penulisan sejarah negara. Tambahan pula, penulisan sejarah sosial dan “sejarah dari bawah” masih bergerak perlahan di Malaysia lanjutan daripada penulisan sejarah yang masih tertumpu kepada aspek politik dan golongan elit tertentu. Justeru, pendekatan sejarah lokal ini diharapkan dapat memperkayakan lagi penulisan sejarah negara. Tambahan pula penulisan sejarah menggunakan pendekatan sejarah lokal yang memfokuskan kajian di daerah-daerah, ruangan tertentu, kampung-kampung dan bandar-bandar kecil memberi peluang kepada masyarakat dan golongan yang dipinggirkan dalam penulisan sejarah sebelum ini kembali ke pentas sejarah. Maka, pelbagai lapangan kegiatan ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat bawahan ini dapat diketahui serta tidak disisihkan dalam penulisan sejarah negeri dan negara.

RUJUKAN

- Abu Talib Ahmad & Tan Liok Ee, eds. 2003. *New Terrains in Southeast Asian History*. Athens: Ohio University Press.
- Ahmad Kamal Ariffin, M. S., Noor Ain, M. N. & Mohamad Khairul Anuar, M. R. 2020. Lukut, 1846-1864: Bandar terawal di Selangor. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 47(2). <http://ejournals.ukm.my/jebat/article/view/41451/10810>. Retrieved on: 10 Julai 2021.
- Baker, A. R. H. 1977. Historical geography. *Progress in Human Geography* 1(3). <https://doi.org/10.1177/030913257700100306>. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Bell, D. A. 2002. Total history and microhistory: The French and Italian paradigms. Dlm. *A Companion to Western Historical Thought*, disunting oleh L. Kramer & S. Maza, 262-276. Massachusetts: Blackwell Publisher Ltd. https://www.academia.edu/6861585/A_COMPANION_TO_WESTERN_HISTORICAL_THOUGHT_Edited_by_email_work_card=title. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Brenda, S. A. Y. 2003. Changing perceptions of space in history writing. A selective mapping of writings on Singapore. In *New Terrains in Southeast Asian History*, edited by Abu Talib Ahmad and Tan Liok Ee, 30-55. Athens: Ohio University Press.

- Brewer, J. 2010. Microhistory and the histories of everyday life microhistory and the histories of everyday life. *Center for Advanced Studies LMU (CAS)* 5. https://www.cas.uni-muenchen.de/publikationen/eseries/cas_eseries_nr5.pdf. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Christopher, A. J. 1977. Historical Geography and local history. *Contree: Journal for South African Urban and Regional History* (1). http://dspace.nwu.ac.za/bitstream/handle/10394/5027/Contree_1%201977%29_p11-15.pdf?sequence=1&isAllowed=y. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Cortesaio, A., ed. 1967. *The Suma Oriental of Tome Pires, An Account of the East, from the Red Sea to Japan, Written in the Malacca and India in 1512-1515*. NendeIn/Liechtenstein: Kraus Reprint Limited.
- Drabble, J. H. 1972. Investment in the rubber industry in Malaya c. 1900–1922. *Journal of Southeast Asian Studies* 3(2). <http://doi.org/10.1017/S0022463400019317>. Retrieved on: 15 Julai 2021.
- General and regional histories. <https://en.unesco.org/themes/generalregionalhistories>. Retrieved on: 15 Julai 2021.
- Goubert, P. 1971. Local History. *Daedalus* 100(1). <https://www.jstor.org/stable/20023993?origin=JSTOR-pdf>. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Healey, J. 2012. Lecture Notes on Why Local History Matters. Koleksi Peribadi J. Healey, Oxford University Department for Continuing Education, Oxford, United Kingdom.
- Herlihy, D. 1979. [Penilaian buku *Montaillou: Cathars and Catholics in a French Village, 1294-1324* by Emmanuel Le Roy Ladurie, Barbara, B., Trans.]. *Social History* 4(3). <http://www.jstor.org/stable/4284920>. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Hicken, V. 1964. The continuing significance of local history. *State and Local History in Libraries* 13(2). <https://www.ideals.illinois.edu/handle/2142/6175http://sbe.balikesir.edu.tr/dergi/edergi/c12s22/makale/c12s22m10.pdf>. Retrieved on: 5 Julai 2021.
- Izrin Muaz Md. Adnan. 2012. A history of the Acheen Street Malay enclave from oral history accounts. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 85(1) (302). www.jstor.org/stable/24894128. Retrieved on: 21 Julai 2021.
- Khoo Kay Kim. 1996. *Kuala Lumpur: The Formative Years*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Khoo Kay Kim. 2003. *Taiping, the Vibrant Years*. Seri Kembangan: OFA Desyne For The Taiping Tourist Association.
- Macafee, W. 1976. Local historical studies of rural areas [methods and sources]. *Irish Archives Bulletin* 6. http://www.aughty.org/pdf/localhist_stud_rural.pdf. Retrieved on: 5 Julai 2021.
- Macafee, W. 1980. Lecture notes on local history. Koleksi Peribadi W. Macafee, University of Ulster, Coleraine, Northern Ireland. <http://www.billmacafee.com/homepage/localhistorypaper1980.pdf>. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Miyase, K. K. 2009. Emmanuel Le Roy Ladurie's approach to history. *Balkesir Üniversitesi Sosyal Bilimler Dergisi* 12(22). https://www.researchgate.net/publication/43336104_Emanuel_Le_Roy_Ladurie_nin_Tarih_Yaklasimi_-_Emmanuel_Le_Roy_Ladurie_s_Approach_to_History. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Mohd. Rashidi Pakri & Nik Haslinda N. H. (eds.) 2017. *Klian Intan : Perlombongan Bijih Timah dan Perkembangan Sosioekonomi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Najwa Yusof, Ahmad Kamal Ariffin, M. S. & Noor Ain, M. N. 2021. Alor Setar sebagai pusat komersial sebelum kemasukan British, 1735-1909. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 48(2). <https://ejournals.ukm.my/jebat/article/view/50313/12204> [25]. Retrieved on: 25 Februari 2022.
- Partridge, J. 1999. *Local history in Australia: Supporting cultural heritage* (INSPEL 34(2000)1). Kertas Kerja dibentangkan di International Federation of Library Associations Council and General Conference, 20-28 Ogos 1999, Bangkok, Thailand. <https://archive.ifla.org/VII/d2/inspel/00-1paja.pdf>. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Pasternak, S. 2009. A new vision of local history narrative: Writing history in Cumington, Massachusetts. Master Thesis, University of Massachusetts Amherst, Massachusetts. ScholarWorks@UMass Amherst. <https://scholarworks.umass.edu/theses/359>. Retrieved on: 3 Julai 2021.
- Reed, M. 1975. Local history today: Current themes and problems for the local history library. *Journal of Librarianship and Information Science* 7(3). <https://doi.org/10.1177/09610006750070030>. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- Samuel, R. 1976. Local history and oral history. *History Workshop Journal* 1(1). <https://doi.org/10.1093/hwj/1.1.191>. Retrieved on: 5 Julai 2021.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2019. *Penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak, 1816-1941*. Ph.D. Thesis, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Storm, E. 2003. Regionalism in history, 1890-1945: The cultural approach. *European History Quarterly* 33(2). <https://doi.org/10.1177/02656914030332005>. Retrieved on: 5 Julai 2021.

- Tongchai, W. 2003. Writing at the interstices: Southeast Asian historians and post-national histories in Southeast Asia. In *New Terrains in Southeast Asian History*, edited by Abu Talib Ahmad and Tan Liok Ee, 3-29. Athens: Ohio University Press.
- van Eeden, Elize S. 2014. Challenging traditional ways of constructing local/regional history research in South Africa: Some global learning and sharing. *International Journal of Regional and Local History* (9):1. <http://elizevaneeden.co.za/wp-content/uploads/2016/03/ChallengingTraditionalWaysofConstructingLocalRegionalHistory.pdf>. Retrieved on: 2 Julai 2021.
- van Eeden, Elize S. 2014. Pioneering regional history studies in South Africa: Reflections within the former section for regional history at the Human Sciences Research Council (HSRC). *Historia* 59(1). https://repository.nwu.ac.za/bitstream/handle/10394/15030/hist_v59_n1_a7.pdf?sequence=1&isAllowed=y. Retrieved on: 5 Julai 2021.

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif
Universiti Sains Malaysia (USM)
Pulau Pinang
Malaysia
Emel: sitinoorhafizah0807@gmail.com

Diterima: 24 November 2021

Diluluskan: 4 Julai 2022

NOTA

- ¹ UNESCO umpamanya dalam pemeliharaan dan pemahaman warisan, sejarah serta tamadun menekankan bahawa memori dunia tidak sekadar memori berkaitan raja dan pahlawan atau berkaitan pertarungan dan penaklukan semata-mata. Sebaliknya, memori dunia adalah lebih daripada itu (<https://en.unesco.org/themes/generalregionallhistories>).
- ² Tidak hanya di barat, ahli-ahli sejarah di Asia Tenggara juga tidak terkecuali dalam memperdebatkan kepentingan perlunya ada perspektif dan pendekatan baharu dalam pensejarahan negara-negara di Asia Tenggara. Misalnya dalam penulisan *New Terrains in Southeast Asian History*, editornya, iaitu Abu Talib Ahmad dan Tan Liok Ee (2003) menekankan bahawa ahli-ahli sejarah di rantau ini perlu mencari alternatif serta pendekatan baharu dan tidak lagi mengabaikan kawasan-kawasan, atau tema-tema yang sebelum ini telah diabaikan dalam penulisan sejarah Asia Tenggara. Salah seorang penyumbang artikel dalam penulisan ini, iaitu Tongchai Winichakul mencadangkan penulisan sejarah mempertimbangan penulisan sejarah di “celahan” iaitu pengkajian sejarah di sempadan (bukan hanya sempadan geografi, tetapi juga sempadan budaya) untuk mewujudkan empati dalam kalangan ahli sejarah. Sejarah “di celahan” membolehkan ahli sejarah memahami perbezaan, hibrid dan percampuran dua atau lebih budaya berbeza yang bertembung yang akhirnya mewujudkan budaya yang unik (Tongchai 2003: 23). Brenda S. A. Yeoh (2003) pula meminta ahli sejarah mempertimbangkan konsep “sejarah dan ruang”, iaitu pengkajian sejarah berdasarkan pembinaan semula “kehidupan harian” masyarakat bawahan dan golongan yang dipinggirkan dalam penulisan sejarah sebelum ini dengan memfokuskan kajian tersebut kepada golongan dan kawasan khusus tertentu. Walaupun mencadangkan pendekatan yang berbeza, dapat dilihat bahawa kedua-kedua ahli sejarah ini bersetuju bahawa dalam mendapatkan pemahaman peristiwa sejarah, skop kawasan kajian sejarah perlu dikecilkan iaitu berfokus kepada kawasan khusus kecil tertentu. Kedua-dua pendekatan yang dicadangkan oleh ahli sejarah ini sebenarnya turut bertepatan dengan pendekatan sejarah lokal.
- ³ Sejarah landskap ini juga dikenali sebagai sejarah geografi yang mengkaji perubahan pada bentuk muka bumi akibat tindakan manusia. Usaha mengkaji perubahan landskap dari sudut pandang ahli sejarah dimulakan oleh W. G. Hoskins melalui penulisannya yang berjudul *The Making of the English Landscape*. Penulisan ini juga merupakan penulisan terawal menggunakan pendekatan sejarah lokal dan telah meletakkan asas kepada pengkajian landskap moden oleh beberapa ahli geografi dan ahli sejarah kemudiannya. Melalui sejarah landskap ini, perubahan terhadap aspek topografi akibat tindakan manusia dibuat mengikut kronologi (Christopher 1977). Kajian Hoskins juga turut mencetuskan perkembangan pesat pelbagai cabang sejarah geografi selepasnya. Misalnya, selepas *The Making of the English Landscape*, sebanyak 529 projek penyelidikan sejarah geografi sedang dijalankan di bawah Historical Geography Research Group of the Institute of British Geographers pada tahun 1976 (Fox, dipetik daripada Baker 1977).
- ⁴ Misalnya, Elize menghujahkan, tema seperti pembangunan landskap budaya, sejarah politik, sejarah gereja (sesebuah institusi), sejarah perundangan dan budaya, sejarah jalan dan sejarah populasi (demografi) sebagai tema boleh dikaji menggunakan pendekatan sejarah lokal (Elize 2014).
- ⁵ Budaya etnik-etnik atau komuniti-komuniti tertentu yang tersebar merentasi sempadan geografi. Misalnya di kawasan sempadan antara dua negeri atau dua negara.
- ⁶ Satu usaha untuk hanya mengumpul dan barang-barang lama (dokumen, reliq, peta dan sebagainya).
- ⁷ Sebelum itu, telah ada usaha daripada ahli sejarah Perancis yang berusaha menggunakan pendekatan sejarah lokal ini penulisan mereka. Misalnya Alexis de Tocqueville dalam kerangka penyelidikannya memahami kejatuhan regim kuno dan Revolusi Perancis telah menggunakan rekod-rekod pejabat di peringkat wilayah terutamanya di Tours (Gourbet 1971).
- ⁸ Ahli sejarah Annales menyedari bahawa sejarah total adalah sukar dicapai dalam pengkajian sejarah melibatkan kawasan yang luas. Namun ahli sejarah Annales masih tidak berputus asa dalam mencapai cita-cita penghasilan sejarah total yang menjadi impian mereka. Justeru, dalam menghasilkan sejarah total ini, ahli sejarah Annales, seperti Le Roy Ladurie, dan juga ahli sejarah Annales yang lain misalnya de Certeau dan Ginzburg menekankan tentang keperluan perubahan skala skop kajian (skop kajian dikecilkan) (Brewer 2010).
- ⁹ Misalnya, penemuan sebelumnya berkaitan jagung India dibawa ke tenggara Perancis iaitu di Aquitane pada kurun ke-18. Namun melalui sejarah lokal (pengkajian tentang

- pasar-pasar kecil jagung di tenggara Perancis) telah mendapati bahawa tarikh jagung India dibawa ke Aquitane ini sebenarnya adalah satu kurun lebih iaitu awal kurun ke-17 (Gourbet 1971).
- ¹⁰ Montailou merupakan kampung kecil yang terletak di selatan Perancis. Jumlah penduduknya adalah hanya berjumlah di antara 200 hingga 250 orang (Herlihy 1979).
- ¹¹ Sejarah mikro yang merupakan salah satu cabang dari sejarah lokal tidak bertujuan menafikan fenomena-fenomena besar seperti permodenan, perindustrian, penghasilan komoditi, perbandaran dan sebagainya. Namun, perkara yang dipentingkan oleh sejarah mikro ini adalah tentang bagaimana memahami dan menggambarkan fenomena ini dari kaca mata/ perspektif kehidupan harian (golongan marhaen) (Bell 2002: 262; Brewer 2010: 8).
- ¹² Kaedah sejarah lisan ini amat penting dalam menghasilkan “sejarah dari bawah”, khususnya bagi golongan yang tidak mempunyai kemahiran literasi (Elize 2015).
- ¹³ Khoo memfokuskan kajiannya kepada Taiping, Perak dan Kuala Lumpur.
- ¹⁴ Penulisan ini membincangkan perkembangan Alor Setar sebagaisebuah bandar sebelum pentadbiran British di Kedah. Perkembangan tersebut berlaku hasil daripada kecekapan pentadbiran pada waktu itu yang mengambil kira aspek keselamatan bandar, permodenan sistem perhubungan dan pengangkutan, kemudahan infrastruktur, serta kesihatan. Perkembangan kegiatan perdagangan dan pemindahan pusat pentadbiran Kedah dari Kota Bukit Pinang ke Alor Setar oleh Sultan Muhammad Jiwa juga turut menyumbang kepada kemunculan Alor Setar sebagai sebuah pusat komersial sebelum pentadbiran British dan perkembangan ini berlaku walaupun Kedah tidak mempunyai bijih timah dan bergantung kepada padi sebagai eksport utama Kedah.
- ¹⁵ Penulisan Izrin (2012) ini menggunakan kaedah sejarah lisan (memori masyarakat terlibat) dan kajian lapangan berdasarkan kepada kaedah sejarah mikro yang memfokuskan kepada bangunan-bangunan dan ruangan awam yang terdapat di kawasan kajian bagi membina semula landskap ruangan Lebuh Aceh.
- ¹⁶ Bermula awal kurun ke-20, getah merupakan tanaman perladangan yang utama di Sememanjung Tanah Melayu (STM). Misalnya, sehingga tahun 1922 sahaja, keluasan kawasan tanaman getah di STM berjumlah 4,250,000 ekar (Drabble 1971).
- ¹⁷ Selain daripada Siti Noor Hafizah (2019), Syed Hussein (2009) telahpun menafikan pandangan peribumi malas (orang Melayu, di Tanah Melayu, orang Jawa di Kepulauan Jawa dan orang Filipina di Filipina yang menurutnya dinilai dari sudut pandang kapitalisme penjajah. Namun kajian beliau menggunakan pendekatan sosiologi dalam menjelaskan sebab musabab penolakan penyertaan peribumi dalam ekonomi kapitalis penjajah. Pun begitu, beliau tidak membincangkan peranan peribumi dalam perancangan dan pembangunan ekonomi semasa penjajahan yang juga sama penting seperti mana penghijrah-penghijrah asing.